

Langkah AS secocok dasar Malaysia

Oleh Shariffudin Mohamed dan Halmi Sarhad

PEKAN: Malaysia menyambut baik keputusan Amerika Syarikat menghentikan penguatkuasaan sekatan senjata terhadap Kerajaan Islam Bosnia, mulai semalam kerana ia secocok dengan kehendak Malaysia.

Sambil mengucapkan terima kasih kerana tindakan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Bosnia sudah pasti dapat menyelamatkan diri mereka dengan berkesan.

Menurutnya, langkah itu juga kena pada masanya dan bertepatan dengan konsep hak asasi manusia yang didokong pentadbiran Presiden Bill Clinton, selama ini.

"Kita alu-alukan itu (tindakan Amerika Syarikat

menarik balik sekatan). Apa guna mereka sekat bekalan kepada orang Bosnia sedangkan mereka tidak sanggup mempertahankan penduduk Bosnia.

"Selain itu, langkah berkenaan juga secocok dengan apa kita nak," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan rangkaian pemasangan kereta Proton Tiga Pintu di kilang Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd (AMM) di sini, semalam.

Dr Mahathir adalah satu-satunya pemimpin negara membangun yang paling lantang mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), khususnya Amerika Syarikat supaya menarik balik sekatan senjata terhadap Kerajaan Bosnia.

Kelmarin, Clinton memecah tradisi dengan sekutunya, Eropah, apabila mengarahkan tenteranya berhenti menguatkuasakan sekatan senjata terhadap Kerajaan Bosnia.

Berikutan arahan itu, Tentera Laut Amerika Syarikat tidak akan menghalang kapal membawa senjata ke Bosnia atau Croatia.

Ditanya sama ada Clinton ikhlas berbuat demikian, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempersoalkan keikhlasan Clinton kerana langkah beliau secocok dengan kehendak Malaysia.

Saya tak soalkan Clinton ikhlas atau tidak. Kita tak boleh baca hati orang. Apa ada dalam hati dia, kita tidak tahu. Apa kita tahu, apa dia buat itu

secocok dengan apa kita nak.

"Untuk itu kita berterima kasih. Oleh itu, jangan tanya soal ikhlas atau tak ikhlas," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan anggota Unprofor selama ini hanya mampu melihat orang Serb membunuh orang Bosnia sebelum mereka (anggota Unprofor) mengundur.

"Mengikut Unprofor, kalau mereka tengok orang Serb bunuh orang Bosnia, mereka semua undur saja. Jadi apa gunanya. Biarlah orang Bosnia ada senjata sendiri untuk mempertahankan diri. Ia bukan untuk melanggar orang lain. Tetapi untuk mempertahankan diri.

"Bagi saya, ini amatlah tidak adil. Kita tak sang-

gup nak mempertahankan orang dan kita tak benar-benar orang itu pertahankan diri. Seolah-olah suruh orang lain bunuh di depan mata kita. Apa makna mereka (Amerika Syarikat) cakap berkenaan hak asasi manusia. Semua hipokrit saja," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata anggota Malbatt akan terus berada di Bosnia selagi khidmat mereka diperlukan Unprofor.

"Yang kita khuatir ialah kalau Nato lari keluar menyelamatkan diri dan kita masih tinggal di Bosnia. Pada ketika itu, kita juga memerlukan senjata mempertahankan diri.

"Tetapi sehingga sekarang kita dimaklumkan senjata besar tak perlu bagi kita," katanya.